

05 FEB 2004

MBM-Abdullah

MBM: ABDULLAH BERJAYA MENANGI HATI DAN MINDA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) berkata Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah berjaya meletakkan asas dan hala tuju negara ke arah yang lebih mantap sejak menerajui kepimpinan kerajaan pada 31 Okt lepas.

Pada Sabtu ini, genap 100 hari Abdullah menjadi Perdana Menteri yang menurut MBM bukannya satu tempoh lama tetapi telah dimanfaatkannya dengan baik sebagai pemimpin negara yang dihormati, bukan sahaja di rantau Asean malahan seluruh dunia.

"Beliau menyambung tradisi kegemilangan kepimpinan negara menekan aspek pembangunan sumber manusia bagi mengisi infrastruktur bertaraf dunia yang dibina oleh Tun Dr Mahathir Mohamad," kata Setiausaha Agung MBM Norizan Sharif dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, Abdullah telah berjaya memenangi hati dan minda rakyat melalui beberapa inisiatifnya seperti usaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam, ketelusan pengurusan, meningkatkan imej polis, pembanterasan rasuah serta penekanan kepada sektor pertanian.

Norizan berkata sikap Abdullah yang mahu rakyat bekerja bersama-sama dengannya dan bukan bekerja untuk beliau, menunjukkan sifat rendah diri pemimpin itu.

Sifat ini terbukti apabila Abdullah mahu menyelesaikan masalah kemalangan jalan raya dan jenayah seksual serta pelantikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, dengan memperlihatkan kesediaan mendengar pandangan pelbagai pihak sebelum membuat keputusan, katanya.

Dalam kenyataan itu, MBM turut mengemukakan tiga cadangan kepada kerajaan dalam usaha memantapkan lagi agenda pembangunan negara yang dipimpin oleh Abdullah.

Majlis itu mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Governans Malaysia yang bertanggungjawab memantau dan menentukan negara ditadbir secara telus dan bebas rasuah.

Suruhanjaya ini hendaklah melapor terus kepada Parlimen (sama

ada
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia) dan agensi penguatkuasa Badan
Pencegah
Rasuah diletakkan di bawah jawatankuasa ini bagi membolehkannya
bertindak
secara bebas.

Dua lagi cadangan MBM ialah meminta kerajaan mengkaji semula
fungsi dan
bidang kerja Majlis Sosial Negara serta mencadangkan Kementerian
Pertanian
ditukar kepada Kementerian Pemakanan dan Industri Pertanian untuk
memberikan fokus kepada fungsi sebenar kementerian sebagai pengeluar
makanan.

-- BERNAMA
ZAZ MFJ MOZ